ANANDA KUMAR KRISHNAN lwn. NG CHIN TAI (BERNIAGA DENGAN CARA DAN GAYA LEAN SEH FISHERY) & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
NORDIN HASSAN PK
[GUAMAN SIVIL NO: 22-413-2010]
12 OKTOBER 2015

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman – Permohonan perintah penangguhan pelaksanaan penghakiman – Sama ada terdapat keadaan khas mewajarkan penggantungan pelaksanaan penghakiman – Sama ada defendan-defendan mempunyai peluang cerah untuk berjaya di Mahkamah Rayuan – Sama ada plaintif berkemampuan membayar balik wang penghakiman jika rayuan defendan-defendan berjaya – Sama ada penggantungan pelaksanaan memberi kesan prejudis pada plaintif – Sama ada permohonan ditolak*

Plaintif telah membuat tuntutan terhadap defendan-defendan berdasarkan satu kontrak bertarikh 6 Februari 2005 yang termanya, antara lain, defendan pertama membayar plaintif yuran konsultan sebanyak 5% daripada jumlah jualan yang dibuat oleh defendan pertama kepada TESCO Stores (M) Sdn Bhd. Defendan pertama membayar yuran tersebut selama lapan bulan dan kemudian gagal membayarnya seperti yang disetujui dalam kontrak berkenaan. Pada 11 September 2015, mahkamah telah memberi penghakiman memihak kepada plaintif dan memerintahkan, antara lain, bahawa defendan-defendan membayar kepada plaintif RM19,266,746.16. Defendan-defendan memohon untuk mendapatkan perintah penangguhan pelaksanaan terhadap penghakiman oleh mahkamah ini bertarikh 11 September 2015 sehingga rayuan yang dibuat ke Mahkamah Rayuan diputuskan. Alasan-alasan yang diberi adalah (i) terdapat keadaan khas yang mewajarkan penggantungan pelaksanaan penghakiman ini; (ii) defendan-defendan mempunyai peluang cerah untuk berjaya dalam rayuan ini di Mahkamah Rayuan; (iii) sekiranya jumlah penghakiman tersebut dibayar kepada plaintif dan jika rayuan defendan-defendan dibenarkan, terdapat kemungkinan besar defendan-defendan tidak boleh mendapat kembali jumlah wang berkenaan daripada plaintif dan ini akan menyebabkan keputusan Mahkamah Rayuan, jika memihak kepada defendan-defendan, menjadi sia-sia; dan (iv) tiada kesan prejudis kepada plaintif sekiranya permohonan penggantungan pelaksanaan penghakiman ini dibenarkan.

Diputuskan (menolak permohonan):

(1) Merujuk kepada 'keadaan khas' yang dinyatakan dalam afidavit defendan pertama, nilai sentimental perniagaan yang dijalankan, bahawa dia seorang yang menanggung keluarga dan akan menghadapi masalah

kewangan serta reputasi perniagaannya akan terjejas bukanlah suatu keadaan khas seperti yang dijelaskan dalam nas undang-undang. Keadaan yang dinyatakan dalam afidavit tersebut adalah keadaan biasa yang boleh berlaku kepada mana-mana pihak. (perenggan 10)

(2) Alasan bahawa kontrak defendan kedua dengan TESCO mungkin ditamatkan, bahawa defendan kedua akan menghadapi masalah kewangan dan reputasi perniagaan defendan kedua akan terjejas juga bukan keadaan khas yang dimaksudkan oleh nas undang-undang. Selain itu, alasan lain iaitu, jika prosiding pelaksanaan dimulakan terhadap defendan kedua dan defendan kedua tidak dapat menjalankan litigasi di Mahkamah Rayuan, adalah tidak bermerit dan juga bukan suatu keadaan khas yang mewajarkan penggantungan pelaksanaan penghakiman. (perengggan 11 & 12)

(3) Defendan-defendan gagal menunjukkan apa-apa isu penting yang memberi peluang yang baik untuk berjaya dalam rayuan di Mahkamah Rayuan. Plaintif berjaya membuktikan kesnya terhadap defendan-defendan. Segala isu undang-undang, fakta dan keterangan telah diberi pertimbangan sewajarnya dalam membuat keputusan berkenaan. (perenggan 13 & 14)

(4) Berkaitan alasan defendan-defendan bahawa kemungkinan besar plaintif tidak dapat membayar balik wang yang telah dibayar jika penggantungan pelaksanaan penghakiman berkenaan tidak dibenarkan, nas undang-undang adalah jelas bahawa faktor ini bukan alasan yang mewajarkan penggantungan pelaksanaan penghakiman. Plaintif juga menyatakan bahawa dia berkemampuan membayar balik wang penghakiman berkenaan jika rayuan defendan-defendan berjaya di Mahkamah Rayuan. (perenggan 17 & 18)

(5) Berdasarkan fakta bahawa kes ini mengambil masa yang lama untuk dibicarakan dan diputuskan, penangguhan terhadap hasil litigasi oleh plaintif pastinya memberi kesan prejudis yang serius terhadap plaintif. Berdasarkan huraian bahawa penghakiman bertarikh 11 September 2015 melibatkan penghakiman kewangan, serta tiada apa-apa keadaan khas dapat ditunjukkan oleh defendan-defendan, permohonan penggantungan pelaksanaan penghakiman ditolak. (perenggan 20)

Kes-kes yang dirujuk:

Dato' Francis Ng Tian Sang v. Alexander Wong Shoon Choy & Ors [2002] 7 CLJ 301 HC ***(dirujuk)***

Low Nam Hui & Sons Sdn Bhd v. Huang Yan Teo [2007] 6 CLJ 27 HC ***(dirujuk)***

Ming Ann Holdings Sdn Bhd v. Danaharta Urus Sdn Bhd [2002] 3 CLJ 380 CA ***(dirujuk)***

Serangoon Garden Estate Ltd v. Ang Keng [1953] 1 LNS 98 HC ***(dirujuk)***

YK Fung Securities Sdn Bhd v. Ronald Yeoh Kheng Hian [1989] 2 CLJ 1284; [1989] 2 CLJ (Rep) 664 HC ***(dirujuk)***

Bagi pihak defendan-defendan - Yvonne How & Lena Chua; T/n Shook Lin & Bok
Bagi pihak plaintif - AG Kalidas; T/n K Nadarajah & Partners

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Nordin Hassan PK:

Pendahuluan

[1] Ini adalah permohonan defendan-defendan untuk mendapatkan perintah penangguhan pelaksanaan terhadap penghakiman oleh mahkamah ini yang bertarikh 11 September 2015 sehingga rayuan yang dibuat ke Mahkamah Rayuan diputuskan.

Ringkasan Kes

[2] Dalam kes ini plaintif telah membuat tuntutan terhadap defendan-defendan berdasarkan satu kontrak bertarikh 6 Februari 2005 yang termanya antara lain, defendan pertama membayar plaintif yuran konsultan sebanyak 5% dari jumlah jualan yang dibuat oleh defendan pertama kepada TESCO Stores (M) Sdn Bhd. Defendan pertama telah membayar yuran tersebut selama lapan bulan dan kemudiannya gagal untuk membayarnya seperti yang telah dipersetujui dalam kontrak berkenaan.

[3] Pada 11 September 2015 mahkamah ini telah memberi penghakiman yang memihak kepada plaintif dan memerintahkan defendan-defendan seperti berikut:

(i) Defendan-defendan membayar kepada plaintif RM19,266,746.16.

(ii) Defendan-defendan membayar faedah 4% setahun bagi bagi jumlah penghakiman tersebut dari tarikh saman difailkan hingga tarikh penghakiman dan pada kadar 5% setahun dari tarikh penghakiman hingga penyelesaian sepenuhnya.

(iii) Defendan-defendan juga diperintahkan untuk membayar kos RM30,000 kepada plaintif.

Alasan Permohonan

[4] Alasan-alasan yang diberikan melalui afidavit sokongan yang diikrarkan oleh Ng Chin Tai dan Ng Tee Huat pada 15 September 2015 adalah seperti berikut:

(i) Terdapat keadaan khas yang mewajarkan penggantungan pelaksanaan penghakiman ini.

(ii) Defendan-defendan telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan penghakiman tersebut dan mempunyai peluang yang cerah untuk berjaya dalam rayuan di Mahkamah Rayuan.

(iii) Sekiranya jumlah penghakiman tersebut dibayar kepada plaintif dan jika rayuan defendan-defendan dibenarkan, terdapat kemungkinan besar defendan-defendan tidak boleh mendapatkan kembali jumlah wang berkenaan dari plaintif. Ini akan menyebabkan keputusan Mahkamah Rayuan jika memihak kepada defendan-defendan adalah menjadi sia-sia (*nugatory*).

(iv) Tiada kesan prejudis kepada plaintif sekiranya permohonan penggantungan pelaksanaan penghakiman ini dibenarkan.

Alasan Penentangan Oleh Plaintif

[5] Plaintif yang menentang permohonan ini, melalui afidavit Ananda Kumar a/l Krishnan bertarikh 29 September 2015 menegaskan bahawa:

(i) Tidak wujud sebarang keadaan khas yang mewajarkan permohonan penggantungan pelaksanaan penghakiman ini dibenarkan.

(ii) Defendan-defendan tidak mempunyai peluang yang baik untuk berjaya dalam rayuan mereka di Mahkamah Rayuan.

(iii) Plaintif mempunyai kemampuan untuk membayar balik jumlah penghakiman tersebut sekiranya defendan-defendan berjaya dalam rayuan mereka di Mahkamah Rayuan.

(iv) Sekiranya permohonan penggantungan penghakiman ini dibenarkan, ianya membawa kesan prejudis yang serius kepada plaintif.

Keputusan Mahkamah

[6] Undang-undang berhubung penggantungan pelaksanaan ini adalah jelas dan nyata dan bagi mengimbas kembali prinsip undang-undang tersebut, huraian yang dibuat oleh Abdul Hamid Mohamad HMR (ketika itu) dalam kes *Ming Ann Holdings Sdn Bhd v. Danaharta Urus Sdn Bhd* [2002] 3 CLJ 380; [2002] 3 MLJ 49 yang menganalisa kes *Serangoon Garden Estate Ltd v. Ang Keng* [1953] 1 LNS 98; [1953] 1 MLJ 116 adalah membantu dalam permohonan ini. Di ms. 57, kes tersebut dinyatakan:

> The following points emerge from that judgment:
>
> (1) granting a stay pending appeal is an exercise of discretion;
>
> (2) there is no rule of practice limiting the exercise of the discretion;
>
> (3) it is a clear principle that the court will not deprive a successful party of the fruits of his litigation until the appeal is determined unless there are special circumstances;
>
> (4) the ground that, if the defendant is successful in his appeal, he cannot be restored to the same position as before, standing alone, is not a sufficient ground on which to grant a stay, however, it is 'an important factor' to take into consideration, if there are other grounds, for example, merit of the appeal. Both grounds, together, may well amount to 'special circumstances'.

[7] Hakim yang sama dalam kes tersebut juga menerima pakai prinsip undang-undang yang menyatakan bahawa penangguhan pelaksanaan penghakiman tidak wajar dibenarkan kecuali terdapat keadaan khas. Ini dinyatakan seperti berikut:

> I would also adopt a passage in Mallal's Supreme Court Practice at p 573 where the learned author said:
>
> A stay will not be allowed unless there are special circumstances. The substantial question now to be posed, as I see it, is whether the allegation that the land office might take three years to subdivide the land in question affords special circumstances for a stay. Special circumstances, as the phrase implies, must be special under the circumstances as distinguished from ordinary circumstances. It must be something exceptional in character, something that exceeds or excels in some way that which is usual or common. For the land office to subdivide a piece of land is common or usual. For it to do so for a period of one, two or three years is usual or common. It is nothing distinctive or out of the way and therefore, to my mind, that by itself does not constitute special circumstances to persuade the court to stay the execution.

[8] Kembali kepada permohonan defendan-defendan untuk penggantungan pelaksanaan penghakiman bertarikh 11 September 2015 berkenaan, 'keadaan khas' yang dinyatakan dalam afidavit sokongan oleh Ng Chin Tai adalah seperti berikut:

> (i) 'terdapat nilai sentimental berkenaan dengan perniagaan perdagangan ikan yang saya telah mewarisi daripada bapa saya, dan dikekalkan sehingga hari ini, selama tempoh 50 tahun, yang tidak dapat dibayar dengan kos jika ia musnah kerana prosiding pelaksanaan terhadap saya'.
>
> (ii) saya penanggung tunggal keluarga saya, ahli keluarga saya, antara lain, isteri saya, anak saya dan ahli keluarganya, anak-anakku dan ahli keluarga mereka bergantung kepada saya.
>
> (iii) jika prosiding pelaksanaan yang diambil terhadap saya, saya akan menghadapi masalah aliran tunai yang teruk dalam perniagaan saya dan tidak akan dapat menjalankan perniagaan harian saya seperti biasa dan juga tidak dapat menyokong perbelanjaan harian ahli keluarga saya; dan
>
> (iv) reputasi perniagaan saya akan tercalar dengan ketara dan tidak boleh dibaiki.

[9] Selain itu, Ng Tee Huat dalam afidavit sokongannya pula menyatakan bahawa keadaan khas wujud dalam kes ini berdasarkan alasan-alasan berikut:

> (i) bahawa kontrak berterusan Defendan Ke 2 dengan Tesco mungkin akan ditamatkan jika prosiding pelaksanaan di ambil terhadap Defendan 2 menurut Fasal 6.1(b) Perjanjian Perdagangan Pembekal ('Supplier Trading Agreement').

A (ii) bahawa Defendan Ke 2 mempunyai perniagaan perdagangan ikan yang aktif bersama pihak yang lain, tidak terhad kepada Tesco dan akan menghadapi masalah aliran tunai yang teruk dalam perniagaan dan tidak akan dapat menjalankan pemiagan harian seperti biasa.

(iii) reputasi perniagaan Defendan Ke 2 akan secara ketara dan tidak
B boleh dibaiki, tercalar dan hubungan perniagan yang berterusan dengan Tesco yang merupakan salah satu sumber utama Defendan Kedua bagi pendapatan akan musnah secara pasti.

(iv) pembekal-pembekal ikan dan makanan laut akan hilang yakin dengan kebolehan dan/atau kredibiliti kewangan Defendan Kedua
C dan mereka mungkin akan berkeras untuk berdagang dengan asas "tunai sahaja" maka ini akan memberi kesan kepada aliran tunai Defendan Kedua.

(v) bahawa prosiding pelaksanaan ini mungkin akan mencetuskan permulaan tindakan undang-undang yang tidak perlu oleh pembekal-pembekal ikan dan makanan laut untuk mendapatkan
D kembali wang mereka dari Defendan Kedua; dan

(vi) bahawa Defendan Ke 2 mempunyai isu-isu dan/atau persoalan undang-undang yang tulen dan serius yang akan didengar oleh Mahkamah Rayuan dan ia tidak akan dapat menjalankan litigasi, jika prosiding pelaksanaan dimulakan terhadap Defendan Kedua.

E **[10]** Merujuk kepada 'keadaan khas' yang dinyatakan dalam afidavit Ng Chin Tai bertarikh 15 September 2015, nilai sentimental perniagaan yang dijalankan, beliau seorang yang menanggung keluarga, beliau akan menghadapi masalah kewangan dan reputasi perniagaannya akan terjejas bukanlah suatu keadaan khas seperti yang dijelaskan dalam nas undang-
F undang. Keadaan yang dinyatakan dalam afidavit tersebut adalah merupakan keadaan biasa yang boleh berlaku kepada mana-mana pihak.

[11] Seterusnya, merujuk kepada keadaan khas yang dinyatakan dalam afidavit Ng Tee Huat bertarikh 15 September 2015 pula, saya berpendapat alasan bahawa kontrak defendan kedua dengan TESCO mungkin ditamatkan,
G defendan kedua akan menghadapi masalah kewangan, reputasi perniagaan defendan kedua akan terjejas, pembekal makanan laut akan hilang kepercayaan terhadap kredibiliti kewangan defendan kedua dan tindakan undang-undang mungkin akan diambil oleh pembekal makanan laut terhadap defendan kedua juga bukan keadaan khas yang dimaksudkan oleh nas undang-
H undang.

[12] Selain itu, alasan lain yang dinyatakan dalam afidavit berkenaan iaitu jika prosiding pelaksanaan dimulakan terhadap defendan kedua, defendan kedua tidak dapat menjalankan litigasi di Mahkamah Rayuan adalah tidak mempunyai merit dan juga bukan suatu keadaan khas yang mewajarkan
I penggantungan pelaksanaan penghakiman.

[13] Kesimpulannya, berdasarkan afidavit-afidavit yang difailkan oleh pemohon, saya mendapati tiada apa-apa keadaan khas untuk membenarkan penggantungan pelaksanaan penghakiman bertarikh 11 September 2015 berkenaan.

[14] Selain itu juga, saya mendapati defendan-defendan gagal untuk menunjukkan sebarang isu penting yang memberi peluang yang baik untuk berjaya dalam rayuan di Mahkamah Rayuan. Saya telah memutuskan dalam penghakiman saya bertarikh 11 September 2015 bahawa plaintif telah berjaya membuktikan kes plaintif terhadap defendan-defendan. Segala isu undang-undang, fakta dan keterangan telah diberi pertimbangan sewajarnya dalam membuat keputusan berkenaan.

[15] Berhubung isu merit sesuatu kes ini terdapat nas undang-undang seperti kes Mahkamah Rayuan *Ming Ann Holdings Sdn Bhd v. Danaharta Urus Sdn Bhd (supra)* yang menyatakan merit sesuatu kes itu bukan merupakan satu keadaan khas tetapi dalam kes Mahkamah Rayuan *Low Nam Hui & Sons Sdn Bhd v. Huang Yan Teo* [2007] 6 CLJ 27; [2007] 7 MLJ 13, merit kes berkenaan telah diberi pertimbangan dalam menentukan sama ada penggantungan pelaksanaan penghakiman diberikan atau sebaliknya.

[16] Walau apa pun, saya telah mempertimbangkan merit kes dalam permohonan ini.

[17] Seterusnya, berhubung alasan defendan-defendan bahawa kemungkinan besar plaintif tidak dapat membayar balik wang yang telah dibayar jika penggantungan pelaksanaan penghakiman berkenaan tidak dibenarkan. Berkaitan alasan ini, nas undang-undang adalah jelas bahawa faktor ini bukan merupakan alasan yang mewajarkan penggantungan pelaksanaan penghakiman.

(lihat kes-kes *Dato' Francis Ng Tian Sang v. Alexander Wong Shoon Choy & Ors* [2002] 7 CLJ 301 dan *YK Fung Securities Sdn Bhd v. Ronald Yeoh Kheng Hian* [1989] 2 CLJ 1284; [1989] 2 CLJ (Rep) 664).

[18] Plaintif juga telah menyatakan bahawa beliau berkemampuan untuk membayar balik wang penghakiman berkenaan jika rayuan defendan-defendan berjaya di Mahkamah Rayuan.

[19] Di samping itu juga, plaintif dalam afidavitnya menegaskan bahawa jika penggantungan pelaksanaan ini dibenarkan ianya akan memberi kesan prejudis yang teruk kepada plaintif.

[20] Berdasarkan fakta bahawa kes ini mengambil masa yang lama untuk dibicarakan dan diputuskan seperti juga dinyatakan di para 11.1 afidavit plaintif, penangguhan terhadap hasil litigasi oleh plaintif pastinya memberi kesan prejudis yang serius terhadap plaintif.

A

Kesimpulan

[21] Berdasarkan huraian di atas dan fakta bahawa penghakiman bertarikh 11 September 2015 melibatkan penghakiman kewangan ('monetary judgment') serta tiada apa-apa keadaan khas dapat ditunjukkan oleh defendan-defendan dalam permohonan ini dan oleh itu permohonan untuk penggantungan pelaksanaan penghakiman berkenaan adalah ditolak.

B

[22] Defendan-defendan juga diperintahkan untuk membayar kos RM3,000 kepada plaintif.

C

D

E

F

G

H

I